

SOALAN NO.: 367

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YB. DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN

KAWASAN : KOTA BHARU

SOALAN:

YB. DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN (KOTA BHARU) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan Kerajaan Persekutuan bersedia menimbangkan permohonan Kerajaan Negeri Kelantan agar membantu menyiapkan Lebuh Raya Kota Bharu - Kuala Krai, iaitu yang bermula dari Machang ke Kuala Krai.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan Pusat komited untuk membina projek naik taraf Jalan Kota Bharu ke Kuala Krai, Kelantan. Pelaksanaan projek sepanjang 70.4 km ini telah dipecahkan kepada 3 pakej, iaitu seperti berikut:

- Pakej 1 dari Wakaf Siku ke Kadok sepanjang 10.8km (peringkat pembinaan Fasa 1A Pasir Hor – Kadok, dan Fasa 2B Kadok – Ketereh);
- Pakej 2 dari Kadok ke Bukit Tiu, Machang sepanjang 28.9 km (pembinaan RMKe-11); dan
- Pakej 3 dari Bukit Tiu, Machang ke Kg. Rahmat, Kuala Krai sepanjang 30.7 km (pembinaan RMKe-11).

Skop untuk Pakej 3 di atas (Bukit Tiu, Machang ke Kg. Rahmat, Kuala Krai) adalah selari dengan jajaran Lebuhraya Rakyat oleh Kerajaan Negeri Kelantan iaitu pembinaan laluan baru dari Bukit Tiu, Machang ke Dusun Damar, Kuala Krai sepanjang 30 km. Kementerian ini dimaklumkan bahawa projek Lebuhraya Rakyat tersebut sedang dilaksanakan oleh kontraktor yang dilantik oleh Kerajaan Negeri, iaitu bermula pada bulan Jun 2014 yang lalu.

Mengenai cadangan supaya Kerajaan Pusat mengambil alih dan meneruskan sepenuhnya pelaksanaan projek Lebuhraya Rakyat itu, untuk makluman Ahli Yang Berhormat setakat ini Kementerian Kerja Raya masih belum menerima surat permohonan rasmi daripada

Kerajaan Negeri mengenai perkara tersebut. Oleh itu kementerian ini tidak dapat memberikan sebarang komitmen kepada cadangan berkenaan. Tambahan pula cadangan tersebut perlu diperhalusi terlebih dahulu dengan mendapatkan pandangan daripada agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan, khususnya daripada Kementerian Kewangan.

Sekian, terima kasih.